

**MINIT MESYUARAT MALAYSIAN ONLINE E-RESOURCES CONSORTIUM (MOLEC) BIL. 3/2010
PADA 24 DISEMBER 2010 (KHAMIS), DI DEWAN PERSIDANGAN PUSAT PENGAJIAN ILMU
KEMANUSIAN, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, PULAU PINANG**

HADIR

Dr Nor Edzan Haji Che Nasir	UM	-	Pengerusi
Sutarmi Kasimun	UM	-	Setiausaha
Ahmad Munawar Mohmad Anuar	OUM		
Asmaniza Mansor	UUM		
Hairuladzhar Mohd Hamdi	UMK		
Hejild Hendrick	UNIMAS		
Khairulbahiyah Yaakub	UTM		
Korina Ibrahim	UNIMAS		
Mohd Khairul Naser Ibrahim	UTHM		
Mohd Nizam Mahat	UNITEN		
Muzaffar Shah Kassim	UPM		
Nazatul Shima Baroji	UMP		
Noorhasimah Aris	UIAM		
Noormala Maarof	UiTM		
Norakmal Abd Karim	UNiMAP		
Norazlynne Mohd johan @ Jacklyne	UMS		
Nurul Diana Jasni	UiTM		
Rabiatul Ahya Md Sharif	UTP		
Rasida Abu Bakar	UTeM		
Rosnah Yusof	UKM		
Rozana Kamdani	USIM		
Shamsuddin Ibrahim	UKM		
Sharifah Akmal Syed Abd Rahman	UMT		
Siti Khabshah Masrom	MMU		
Sofiah Khalid	UNiSZA		
Sukmawati Muhamad	USM		
Wan Suhaimi Ariffin	PPUKM		
Yafiza Abdul Halim	UPNM		

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1	<p>KATA-KATA ALUAN Pengerusi</p> <p>Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih atas pelantikan beliau dan mengharapkan komitmen serta kerjasama yang berterusan daripada semua ahli. Beliau turut merakamkan penghargaan kepada mantan Pengerusi dan Setiausaha.</p>	Makluman
2	<p>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MOLEC BIL. 2/2010</p> <p>Minit Mesyuarat MOLEC Bil. 2/2010 disahkan tanpa sebarang pindaan.</p>	Makluman
3	<p>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</p> <p>3.1 Status Langganan PDK MOHE 2010</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum aduan yang dibuat oleh pihak Elsevier mengenai kelewatan pembayaran langganan pangkalan data Scopus. Perkara ini berlaku kerana pihak Kementerian Kewangan mempersoalkan isu pemilikan hak cipta manakala pihak pembekal tidak bersetuju dengan kontrak yang diterjemahkan ke Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, perkara ini berjaya diatasi setelah beberapa siri penerangan dilakukan.</p> <p>Mesyuarat turut dimaklumkan, pihak ENCHE telah mendapat bayaran bagi pembelian buku elektronik NetLibrary tetapi terpaksa mengembalikan semula cek yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kewangan kerana jumlah ringgit Malaysia yang dibayar oleh pihak Enche adalah lebih tinggi kerana pembayaran dibuat semasa kadar pertukaran matawang asing yang tinggi.</p> <p>Masalah pertukaran pegawai di Kementerian juga turut menjadi sebab kelewatan pembayaran kerana setiap kali pegawai bertukar, penerangan dan penjelasan mengenai langganan PDK MOHE ini terpaksa diberikan semula.</p> <p>3.2 Perkembangan Terkini Seminar Kebangsaan Sumber Elektronik di Malaysia oleh UNiMAP dan Bengkel Usage Report di USM</p> <p>Seminar selama dua (2) hari telah diadakan pada 20 dan 21 Disember di Bayview Resort Batu Ferringhi. Puan Mazmin selaku Pengerusi Seminar akan diminta membuat laporan pada mesyuarat</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>UNiMAP</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>yang akan datang. Bengkel Usage Report juga telah diadakan pada 22 Disember di USM.</p> <p>3.3 Pembentangan Kertas Kerja Dasar Langganan Pangkalan Data/Jurnal oleh Wakil UKM</p> <p>Puan Rusnah akan mengedarkan semula kertas kerja yang telah dikemaskini.</p> <p>3.4 Pembentangan Projek Jet-P – Pelaporan Statistik yang Seragam dan Mengesan Duplikasi Judul oleh Wakil UKM</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan, semasa Seminar Kebangsaan Sumber Maklumat Elektronik yang lalu, Mr Simon Huggard daripada Victoria State Library Australia telah berkongsi pengalaman mengenai log Ezproxy yang dapat memberikan pelbagai maklumat mengenai penggunaan sesuatu PDK. Lanjutan daripada itu, UKM akan membuat pilot projek analisa statistik PDK menggunakan log ezproxy.</p> <p>Ahli MOLEC juga diminta berhubung dengan unit IT masing-masing mengenai <i>Open URL Linker</i> dan log Ezproxy.</p> <p>Cik Siti Khabshah mencadangkan agar semua vendor diminta mengendalikan latihan bagi membolehkan pentadbir PDK menjana statistik dengan cara yang betul. Puan Rusnah pula menyatakan, UKM menawarkan bantuan untuk mengadakan latihan ini. Semua ahli diminta untuk mendapatkan kata laluan pentadbir PDK termasuk URL yang berkenaan dan mengenalpasti tajuk PDK yang memerlukan latihan penjaanaan statistik</p> <p>3.5 MyULIS</p> <p>Berikutan pertukaran beberapa wakil MOLEC daripada beberapa institusi, berikut adalah ahli Jawatankuasa Kerja MyULIS yang baru dan diketuai oleh wakil UPM</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Ahmad Munawar (OUM) ii) Noorhasimah Aris (IIUM) iii) Hafiz (UiTM) iv) Muhaimin (UKM) 	<p>UKM</p> <p>UKM</p> <p>Semua ahli</p> <p>Semua ahli</p> <p>UPM, OUM, IIUM, UiTM, UKM</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
4.	<p data-bbox="298 331 415 363">AGENDA</p> <p data-bbox="298 405 1214 436">4.1 Arah tuju, perancangan serta aktiviti MOLEC bagi tahun 2011</p> <p data-bbox="394 472 919 504">4.1.1 Kekerapan dan Lokasi Mesyuarat</p> <p data-bbox="472 541 1252 674">Pengerusi menyarankan agar untuk 6 bulan pertama 2011, mesyuarat diadakan setiap 2 bulan iaitu pada minggu ke-4. UM bersetuju untuk menjadi hos bagi bulan Februari, UTM bagi bulan April manakala UiTM bagi bulan Jun.</p> <p data-bbox="394 745 643 777">4.1.2 Aktiviti 2011</p> <p data-bbox="472 781 1252 846">Berikut adalah cadangan aktiviti yang ingin dilaksanakan pada tahun 2011 iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="492 850 964 882">a. Bengkel Penjanaan Statistik – UKM <li data-bbox="492 886 951 917">b. Bengkel Teknik Rundingan – USM <li data-bbox="492 921 932 953">c. Bengkel Lesen Perjanjian – UMK <li data-bbox="492 957 1252 1052">d. Bengkel ROI – UNITEN ; wakil UTM mencadangkan agar bengkel ini digabungkan dengan bengkel penjanaan statistik <li data-bbox="492 1056 1252 1121">e. Lawatan penandaarasan ke Universiti luar negara dicadangkan oleh wakil UIAM <p data-bbox="298 1192 776 1224">4.2 Langganan PDK-MOHE 2011</p> <p data-bbox="394 1262 1252 1461">Mesyuarat dimaklumkan, laporan mengenai masalah yang dihadapi dan kertas kerja mengenai langganan 2011 telah disediakan. Scopus, ProQuest Dissertations & Theses, Academic Source Premier dan Business Source Complete (EBSCO) masih dikekalkan untuk dilanggan pada 2011 dan 2012 Pangkalan data BLIS juga turut dimasukkan dalam kertas cadangan ini.</p> <p data-bbox="394 1499 1252 1564">Temujanji dengan Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan, Kementerian Pengajian Tinggi, Dato’ Rohani sedang diusahakan.</p> <p data-bbox="298 1635 829 1667">4.3 Laporan Perkembangan MyULIS</p> <p data-bbox="394 1705 967 1736">Seperti dilaporkan dalam perkara berbangkit.</p> <p data-bbox="298 1808 1252 1873">4.4 Laporan Soal-selidik Penyertaan Keahlian Perpustakaan Khusus di dalam MOLEC</p>	<p data-bbox="1278 541 1419 573">Semua ahli</p> <p data-bbox="1278 781 1419 812">Semua ahli</p> <p data-bbox="1278 1262 1419 1293">Makluman</p> <p data-bbox="1278 1499 1419 1530">Pengerusi</p> <p data-bbox="1278 1705 1341 1736">UPM</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>Puan Norhasimah melaporkan semua perpustakaan khusus sedia ada menyatakan persetujuan ingin kekal sebagai ahli MOLEC. Walaubagaimanapun, keahlian PNM masih menjadi tanda tanya. Pengerusi PERPUN akan diminta mengadakan perbincangan dengan Datuk Raslin, Pengarah PNM mengenai perkara ini.</p>	Pengerusi
5.	<p>HAL-HAL LAIN</p> <p>5.1 Resolusi Bengkel Laporan Penggunaan Pangkalan Data</p> <p>Bengkel telah diadakan pada 22 Disember 2010 di mana laporan pembentangan telah disampaikan oleh wakil UMP dan UPSI bagi pangkalan data ProQuest Dissertations and Theses, wakil UNITEN dan UPM untuk pangkalan data IEEE, manakala EBSCO dibentangkan oleh wakil UM. Beberapa resolusi berikut telah dicapai iaitu:</p> <p>5.1.1 Latihan Kontrak perlu mengandungi elemen latihan sekurang-kurangnya 2 kali setahun tidak termasuk latihan apabila ada perubahan <i>interface</i> atau tambahan <i>features</i>.</p> <p>5.1.2 Saiz Full Time Equivalent (FTE) FTE adalah mengikut disiplin dengan tambahan 5%</p> <p>5.1.3 Templat Pembentangan Laporan Penggunaan Pangkalan Data Templat pembentangan laporan penggunaan pangkalan data akan dibincang semasa bengkel yang akan dikoordinasi oleh UKM.</p> <p>5.1.4 Bahan-bahan Promosi (<i>Promotional Materials</i>) Pihak vendor diminta membekalkan bahan-bahan promosi bercetak yang terkini selaras dengan paparan di laman sesawang.</p> <p>5.1.5 Langganan dan Kos Langganan Berdasarkan <i>Tier</i> Pihak vendor juga akan diminta menyediakan pelan langganan dan kos yang perlu ditampung oleh institusi berdasarkan <i>tier</i> dan bukan secara menyeluruh.</p> <p>5.1.6 <i>Single Site</i> dan <i>Multiple Site</i> Pengerusi akan mengadakan perbincangan dengan pihak pembekal mengenai isu <i>single site</i> dan <i>multiple site</i>.</p>	Semua ahli

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>5.2 Langganan Scopus 2011</p> <p>Berikutan masalah kelewatan pembayaran oleh pihak Kementerian, pihak Elsevier meminta agar langganan Scopus pada 2011 dibayar terlebih dahulu oleh institusi yang ingin meneruskan langganan. Institusi yang tidak bersetuju akan diberi akses sehingga Mac 2011.</p> <p>UM, UIAM, UiTM, USM, UMP, UTM, UNIMAS secara dasarnya bersetuju akan menjelaskan pembayaran langganan 2011. USIM memohon penangguhan manakala UKM akan mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak Elsevier.</p> <p>5.3 Jawatan Timbalan Pengerusi</p> <p>Puan Korina meminta agar beliau dilepaskan daripada portfolio Timbalan Pengerusi MOLEC. Mesyuarat bersetuju memandangkan pada masa ini tiada keperluan mendesak untuk portfolio ini. Mesyuarat merakamkan ucapan terima kasih kepada Puan Korina.</p> <p>5.4 Kenaikan Kos Langganan ACM oleh UNITEN</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan, mulai 2011, pihak pembekal mengenakan UNITEN harga langganan ACM sebanyak USD8,810 dan harga ini adalah lebih tinggi daripada harga yang dilanggan oleh ahli konsortium. Pihak pembekal memaklumkan kenaikan disebabkan perubahan struktur kerja. Walaubagaimanapun, mesyuarat tidak bersetuju dengan pendekatan ini. Semua Perpustakaan diminta mengenalpasti pangkalan data yang dilanggan secara konsortium dan perbincangan lanjut mengenai perkara ini akan dibuat dengan pihak pembekal.</p> <p>5.5 Kenaikan Kos Langganan CLJ</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan, kos langganan CLJ juga mengalami kenaikan berganda-ganda. Masalah telah dibincangkan semasa Mesyuarat SIG Undang-undang tetapi masih belum ada penyelesaian.</p> <p>5.6 Muat Turun Berlebihan dan Luar Biasa</p> <p>Encik Muzafar dari UPM ingin berkongsi tindakan yang diambil oleh</p>	<p>Semua ahli</p> <p>Makluman</p> <p>Semua ahli</p> <p>Semua ahli</p> <p>Makluman</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>institusi lain mengenai masalah muat turun yang berlebihan dan luar biasa. Tindakan yang paling biasa adalah menyiasat punca akses, menghantar hantar surat peringatan kepada pengguna yang berkenaan (sekiranya pengguna dapat dikenalpasti), maklumkan kepada pembekal mengenai tindakan yang telah diambil, dan membuat pemantauan berterusan. Walaubagaimanapun, tindakan ini masih tidak berkesan dan ada kemungkinan perkara ini berulang kembali.</p> <p>Perpustakaan UM telah menghadkan akses dari luar kampus melalui Ezproxy. Jika ada keperluan akses dari sesuatu lokasi di luar, pengguna diminta memberikan ID pengguna, lokasi, tempoh berada di lokasi berkenaan dan nama pangkalan data yang ingin digunakan. Pengguna akan diberikan katalaluan setelah pengesahan dilakukan oleh Perpustakaan.</p> <p>5.7 Senarai Induk Pangkalan Data Komersil (SIPDK) OUM diminta mengetuai kumpulan kerja untuk mengaktifkan kembali SIPDK.</p> <p>5.8 Garis Panduan Perolehan Pangkalan Data Sebahagian ahli meminta agar diadakan garis panduan bagi perolehan pangkalan data yang boleh dijadikan rujukan sebelum sesuatu pangkalan data dilanggan. Cik Siti Khabshah memaklumkan, garis panduan tersebut telah lama disediakan dan beliau akan mengedarkannya semula kepada ahli MOLEC.</p>	<p>Makluman</p> <p>Semua ahli</p> <p>MMU</p>

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi